

PENGUNAAN “ BIG BOOK NYANYIAN FONIK ABC” DALAM MEMBANTU PENGUSAAN HURUF KECIL “A HINGGA Z” MURID PEMULIHAN TAHUN 2

Oleh

Bee Aini Anak Bina
beeainibina@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran sendiri saya sebagai guru pemulihan dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z” melalui penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Kajian ini turut bertujuan membantu Ara iaitu seorang murid Tahun 2 Mawar dalam penguasaan huruf kecil “a hingga z” melalui penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual, senarai semak dan ujian. Data dari nota lapangan, temubual, senarai semak dianalisis secara analisis kualitatif dan ujian dianalisis secara analisis kuantitatif dalam bentuk markah dan peratusan. Penyemakan data dibuat menggunakan triangulasi kaedah, sumber dan masa. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” membantu saya menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran sendiri saya sebagai guru pemulihan dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z” serta membantu penguasaan huruf kecil “a hingga z” Ara. Saya ingin melanjutkan kajian ini dengan melaksanakan aktiviti membina “Big Book Nyanyian Fonik Abc” ini bersama dengan murid untuk mengoptimumkan penguasaan huruf kecil.

Kata kunci: “Big Book Nyanyian Fonik Abc”, Kemahiran huruf kecil, Pengajaran kemahiran huruf kecil, Penguasaan huruf kecil “a hingga z”, Murid pemulihan

ABSTRACT

The research was conducted to improve the teaching and learning practices as a remedial teacher in teaching small letter “a to z” by using “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. The research is also to help Ara a Primary 2 Mawar student in mastering small letter “a to z” by using “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Data are collected through observation, interview, check list and exam. Data of observation, interview, and check list analyse through qualitative analysis and exam analyse through quantitative analysis in the form of mark and percentage. Data was then cross-checked using triangulation between method, source and time. The result that I gain by using “Big Book Nyanyian Fonik Abc” is helping me in improving my learning and teaching technique as a remedial teacher and also help Ara to mastering the using of the small letter “a to z”. I would like to further research by conducting activities with my student in developing “Big Book Nyanyian Fonik Abc” to optimize the mastering of small letter in learning.

Keywords: “Big Book Nyanyian Fonik Abc”, small letter skills, Teaching skills small letters, small letters “a to z”, remedial pupils


PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih opsyen Pemulihan ambilan Januari 2009, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang menjalani praktikum fasa ketiga selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Bahagia (nama samaran) yang terletak di kawasan Padawan, Sarawak. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah gred A dan mempunyai seramai 745 orang murid dengan 43 orang warga pendidik serta 9 orang staf sokongan sekolah.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran


Semasa praktikum fasa 1 di Sekolah Kebangsaan Perpaduan (SK P) selama sebulan, saya mendapati salah seorang daripada murid saya tidak dapat menulis huruf yang disebut oleh guru semasa ujian diagnostik bertulis dijalankan. Saya telah membuat catatan di dalam borang analisis ujian diagnostik. Berikut adalah catatan tersebut:



Catatan: Murid tidak menguasai huruf kecil "a hingga z"

Rajah 1: Catatan dalam borang analisis ujian bertulis murid semasa Praktikum 1 di SK P

Manakala, semasa praktikum fasa 2 di Sekolah Kebangsaan Sejahtera (SK S) selama 2 bulan, saya mendapati salah seorang murid saya telah mendapat skor 0 daripada 26 huruf kecil yang diuji secara lisan.




Murid mendapat skor 0 daripada 26 huruf yang diuji secara lisan

Rajah 2: Ujian diagnostik lisan Murid semasa Praktikum Fasa 2 di SK S

Isu Keprihatinan

Whitehurst & Lonigan (2001) berpendapat jika kemahiran literasi membaca dan menulis tidak diperoleh dan dikuasai dengan mahir, risiko kanak-kanak untuk gagal dalam sistem persekolahan akan meningkat. Jika penguasaan huruf amat lemah di kalangan murid, ini dikhuatiri akan menyukarkan murid dalam kemahiran membaca serta kemahiran menulis bukan sahaja dalam matapelajaran bahasa melayu tetapi matapelajaran yang lain. Wanzek J. & Vaughn S. (2011) menyatakan intervensi yang tidak mencukupi

menyebabkan murid yang lemah akan ketinggalan. Snow et al. (1998) yang mendapati bahawa kanak-kanak yang kurang mendapat pendedahan akademik lebih cenderung untuk menghadapi masalah membaca. *Rajah 3* menunjukkan data pengesanan awal yang saya perolehi



Petunjuk:

- Ujian bertulis
- Ujian lisan
- Tidak menjawab
- / Menjawab betul
- x Menjawab salah
- o Huruf kecil dikuasai

Rajah 3: Analisis ujian diagnostik.

Objektif Kajian

Kajian yang telah saya jalankan ini adalah untuk menambah baik amalan p&p sendiri saya sebagai guru kelas pemulihan dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z” melalui penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*”. Kajian ini turut bertujuan untuk membantu Ara iaitu seorang murid Pemulihan Tahun 2 Mawar dalam penguasaan huruf kecil melalui penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*”.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

- Bagaimana penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” membantu saya menambah baik amalan p&p sendiri saya dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z” ?
- Sejauh manakah penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik ABC*” membantu Ara dalam penguasaan huruf kecil “a hingga z”?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan


Howard Gardner (1983) menyatakan, sekiranya hanya satu sahaja kaedah atau pendekatan yang digunakan didalam sesuatu pengajaran, hanya murid tertentu sahaja yang boleh mendapatkan bahan yang disampaikan. Ini kerana murid mempunyai kebolehan menaakul dan menanggapi dalam keadaan yang berbeza. Pendekatan yang berintegrasi dengan pelbagai jenis kecerdasan memudahkan penerimaan murid kepada yang lebih kreatif. Oleh itu, “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” yang bina sendiri

mencakupi kaedah visual, auditori, kinestetik, tactile (VAKT) dan lagu. Rajah 4 menunjukkan "Big Book Nyanyian Fonik ABC" yang saya hasilkan.



Rajah 4: "Big Book Nyanyian Fonik ABC"

Saya turut merancang dan menggunakan "tracing guide" supaya Ara mudah menangkap huruf tersebut. Ianya dijadikan medium utama bahan pengukuhan untuk aktiviti menulis huruf kecil dalam p&p saya. "Tracing guide" yang disediakan untuk membantu murid menulis huruf kecil dengan betul. Rajah 5 menunjukkan tracing guide yang saya gunakan.



Rajah 5: "Tracing guide"

Saya telah melapik kertas "tracing guide" tersebut di dalam "laminating paper" (plastik kalis air) untuk memastikan "tracing guide" dapat digunakan berulang kali apabila ditulis menggunakan "Whiteboard marker" di atasnya. Tujuan saya memilih "Whiteboard marker" sebagai bahan menulis pada "tracing guide" tersebut kerana ianya mudah dibersihkan.

Felder (1996) menyatakan setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dari segi kekuatan pendirian dan keutamaan dalam menerima dan memproses maklumat. Saya menerapkan penggunaan "tracing guide" kerana saya mendapati saya mendapati Ara suka membuat latihan menyuruh huruf semasa p&p di kelas.

Menurut Piaget dalam Wardle (2003), kanak-kanak mempelajari tentang dunia persekitarannya melalui tindakan atau pengalaman sensori mereka dengan persekitaran. Dia akan sentiasa ingin memegang, merasa atau melakukan sesuatu (Salleh Daud dan Izzah Abdul Aziz, 1979). Penggunaan bahan yang timbul yang berbentuk "huruf tactile" juga dapat menarik perhatian kanak-kanak terhadap buku. Huruf timbul yang dihasilkan ini bertujuan untuk merangsang deria sentuh Ara untuk mengenal huruf kecil yang dipelajari. Saya telah membuat "huruf tactile" (huruf timbul) di dalam "Big Book Nyanyian Fonik ABC" yang saya

hasilkan. *Rajah 6* menunjukkan huruf timbul yang saya terapkan dalam penghasilan “Big Book Nyanyian Fonik ABC”



Rajah 6: Huruf tactile (huruf timbul) yang telah disusun di dalam penghasilan “Big Book Nyanyian Fonik ABC” pada 22 Februari 2012.

Oleh kerana “Big Book Nyanyian Fonik ABC” hanya dapat digunakan semasa waktu p&p, saya telah menyediakan “*Buku ABC Pertamaku*” bagi panduan murid untuk dibawa balik ke rumah. Marshall S.et. al. (1971) menyatakan adalah perlu adanya perhubungan antara sekolah dan rumah untuk membiasakan kanak-kanak dengan buku.

Buku ini adalah hasil adaptasi daripada “*Big Book Nyanyian Fonik ABC*” yang digunakan semasa P&P. Isi kandungannya adalah untuk memudahkan peserta kajian mengingat lagu ABC tanpa bimbingan guru bersamanya. Berikut adalah “*Buku ABC Pertamaku*” yang telah saya sediakan.



Rajah 7: “*Buku ABC Pertamaku*”

Bersesuaian dengan pendapat Yalch (1991), saya telah mencipta “*lagu abc*” untuk meningkatkan penguasaan huruf kecil Ara. Sebenarnya saya telah memperkenalkan lagu tersebut seawal minggu kedua menjalani praktikum fasa 3 saya di SK B iaitu pada 8 Februari 2012. Pada awal sesi memperkenalkan lagu tersebut, saya telah menjadikan lagu tersebut sebagai aktiviti set induksi. “*Lagu abc*” tersebut saya dedahkan kepada murid secara berperingkat iaitu melibatkan 6 huruf setiap sesi p&p.

Menurut Gardner (1993), kecerdasan kinestetik merujuk kepada sensori badan terhadap pergerakan. Oleh itu, saya juga menyelitkin kecerdasan kinestetik iaitu dengan melibatkan pergerakan seluruh anggota badan yang bersesuaian semasa nyanyian lagu abc bagi membantu meningkatkan penguasaan huruf kecil Ara.

Aksi bagi setiap huruf telah dirancang mengikut senikata huruf yang dilagukan. Sebagai contohnya, apabila senikata a untuk arnab dinyanyikan, saya dan murid akan bersama-sama membuat aksi arnab iaitu dengan melompat seperti arnab.

Pelaksanaan Tindakan

Pelaksanaan PT ini bermula pada akhir bulan Mac iaitu 27 Mac 2012 seperti yang dirancang. Saya telah menggunakan masa rehat Ara iaitu dari waktu 9.35 hingga 9.50 pagi untuk menjalankan PT ini. Pelaksanaan PT ini sebenarnya berbentuk aktiviti pengukuhan di luar waktu kelas kepada Ara untuk meningkatkan penguasaan huruf kecilnya. Hal ini kerana, semasa di dalam kelas saya tidak dapat memberikan sepenuh tumpuan kepada masalah penguasaan huruf kecil yang dihadapi oleh Ara. Saya telah melaksanakan PT saya sebanyak 13 sesi. Jadual 1 menunjukkan pelaksanaan penyelidikan tindakan yang telah saya jalankan.

Jadual 1:

Slot	Tarikh/ Hari	Masa	Aktiviti
1.	2 Mac 2012 (Jumaat)	7.30 hingga 8.30	Ujian pra (Pengesanan Awal) penguasaan huruf kecil
2.	27 Mac 2012 (Selasa)	7.15 hingga 7.30	Pengenalan "Big Book Nyanyian Fonik" Nyanyian "lagu Abc"
3.	3 April 2012 (Selasa)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan "Big Book Nyanyian Fonik". Latihan menulis menggunakan "Tracing Guide" di dalam "Big Book Nyanyian Fonik". Latihan mengecam huruf kecil
4.	4 April 2012 (Rabu)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan "Big Book Nyanyian Fonik". Latihan menulis menggunakan "Tracing Guide" di dalam "Big Book Nyanyian Fonik" Latihan mengecam huruf kecil
5.	16 April 2012 (Isnin)	9.35 hingga 9.50	Ujian pasca (Ujian semasa) penguasaan huruf kecil
6.	17 April 2012 (Selasa)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan "Big Book Nyanyian Fonik". Membuat Latihan kolaj huruf dan penulisan huruf
7.	18 April 2012 (Rabu)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan "Big Book Nyanyian Fonik". Latihan menulis menggunakan "Tracing Guide" di dalam "Big Book Nyanyian

			Fonik” Latihan mengecam huruf kecil
8.	19 April 2012 (Khamis)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan “ Big Book Nyanyian Fonik”. Membuat Latihan kolaj huruf dan penulisan huruf
9.	20 April 2012 (Jumaat)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan “ Big Book Nyanyian Fonik”. Latihan menulis menggunakan” <i>Tracing Guide</i> ” di dalam “ Big Book Nyanyian Fonik” Latihan mengecam huruf kecil
10.	24 April 2012 (Selasa)	9.35 hingga 9.50	Pengajaran menggunakan “ Big Book Nyanyian Fonik”. Membuat Latihan kolaj huruf dan penulisan huruf
11.	25 Jun 2012 (Isnin)	9.35 hingga 9.50	Ujian post (ujian selepas) penguasaan huruf kecil Penilaian semula (untuk tujuan kesahan data)
12.	26 Jun 2012 (Selasa)	9.35 hingga 9.50	Temubual bersama peserta Kajian, guru pembimbing, rakan penyelidik dan analisis dokumen

METODOLOGI

Peserta Kajian

Sebagai peserta kajian, saya terlibat secara aktif untuk berusaha menambah baik amalan p&p sendiri saya sebagai guru kelas pemulihan dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a” hingga “z” bagi murid pemulihan Tahun 2 Mawar. Saya turut melibatkan seorang peserta kajian iaitu murid pemulihan Tahun 2 Mawar iaitu Ara (nama samaran). Melalui pemerhatian dari borang profil murid Kelas Pemulihan, saya mendapati Ara tidak mempunyai latar belakang persekolahan sebelum melangkah ke tahun satu.

Etika Penyelidikan

Saya telah memohon kebenaran daripada pihak pentadbiran sekolah untuk menjalankan penyelidikan tindakan di Sekolah Kebangsaan Bahagia sepanjang tempoh 3 bulan menjalankan praktikum. Di samping itu, saya juga memohon kebenaran untuk melaksanakan penyelidikan terhadap Ara melalui proses menandatangani surat persetujuan oleh Ara serta ibu bapanya. Saya memberikan satu salinan surat persetujuan kepada penjaga Ara sebagai simpanan dan satu salinan lagi untuk salinan saya sendiri. Ini untuk memastikan tidak timbul sebarang masalah serta pertikaian semasa melaksanakan penyelidikan tindakan sehingga mengganggu proses pengumpulan data dan maklumat berkaitan penyelidikan.

Teknik Mengumpul Data

Bagi proses pengumpulan data untuk penyelidikan tindakan yang telah saya lakukan, saya telah menggunakan beberapa teknik mengumpul data yang berbeza iaitu seperti berikut:

Pemerhatian

Melalui pemerhatian, saya telah mencatatkan nota lapangan beserta dengan rakaman video berkaitan dengan murid. Catatan nota lapangan ini melibatkan catatan peristiwa yang berlaku, tingkah laku murid serta perkara luar jangkaan yang dilakukan oleh peserta kajian. Nota lapangan dan rakaman video ini amat membantu saya membuat rujukan terhadap proses p&p yang telah saya laksanakan.

Temubual

Menurut Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009), temu bual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Untuk mengetahui pandangan serta perasaan peserta kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan, saya telah membuat temu bual bersama peserta kajian. Saya turut menemubual guru kelas, guru pemulihan, guru mata pelajaran, ibu bapa peserta kajian bagi mendapatkan maklumat perkembangan murid.

Analisis dokumen

Saya telah meneliti hasil ujian diagnostik iaitu ujian bertulis dan ujian lisan Ara yang meliputi ujian pengesanan awal, semasa dan akhir untuk melihat perkembangan prestasi Ara melalui penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*".

Teknik Menganalisis Data

Menurut Lisah (2011) dalam kajiannya, analisis data ialah satu proses menyusun data yang dikumpul dan data tersebut kemudian dibahagikan kepada unit-unit yang lebih ringkas untuk menonjolkan pola-pola berstruktur untuk memudahkan penginterpretasian. Penganalisan data yang saya perolehi adalah berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Saya telah membuat rujukan terhadap nota lapangan yang saya telah lakukan. Kandungan nota lapangan tersebut diteliti secara terperinci dengan memfokuskan kata kunci seperti minat, seronok, mudah, menarik menggunakan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" untuk mengingat huruf kecil dan menguasai huruf kecil. Manakala, bagi temu bual yang dilakukan, saya meneliti transkrip temubual untuk mengenalpasti kata kunci yang terkandung di dalamnya. Untuk mengesan pola penguasaan huruf Ara, saya telah membuat perbandingan huruf yang dijawab betul bagi ujian bertulis dan lisan, sebelum, semasa dan selepas yang dilaksanakan. Data yang diperolehi dari analisis pola ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel 2007 (MS EXCEL), dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf yang bersesuaian. Untuk ujian, data kuantitatif diperolehi daripada ujian diagnostik bertulis dan ujian lisan iaitu ujian sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan penggunaan

“Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Jumlah soalan yang dijawab dengan betul seterusnya ditukar ke dalam bentuk peratusan. *Rajah 8* menunjukkan formula yang saya gunakan untuk mengira skor Ara dalam setiap ujian yang telah saya kendalikan.

$$\frac{\text{Bilangan jawapan betul}}{26} \times 100\% =$$

Petunjuk:

26 = Jumlah abjad yang terdapat di dalam carta abc

Rajah 8: Formula bagi mengira skor peserta

Perbandingan peratus (%) markah ujian Ara bagi setiap ujian yang telah dilaksanakan turut dilakukan. Hasil dapatan kesemua ujian ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel 2007 (MS EXCEL), dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf yang bersesuaian.

Teknik Menyemak Data Triangulasi Kaedah

Triangulasi antara kaedah adalah pengumpulan data menggunakan beberapa kaedah yang berbeza tetapi sama digunakan untuk setiap peserta kajian (Smith, 1975). Saya telah menggunakan borang matrik bagi membandingkan pemerolehan sumber data yang dikumpul menerusi pemerhatian, analisis dokumen, dan temu bual yang digunakan.

Triangulasi Sumber

Saya telah membuat analisa terhadap sumber yang saya perolehi. Ini adalah untuk meneliti ketekalan sumber data yang berlainan. Saya telah mendapatkan bantuan daripada seorang rakan penyelidik dan guru pembimbing dalam pengumpulan data. Saya turut mendapatkan maklumat daripada Ibu Ara berkaitan dengan perkembangan pembelajaran Ara. Di samping itu, saya mendapatkan maklumat berkaitan persoalan kajian daripada guru pemulihan.

Triangulasi Masa

Saya telah membuat perbandingan hasil pengesanan awal, semasa dan akhir rekod ujian bertulis dan ujian lisan yang saya lakukan bersama Ara. Saya menggunakan ujian yang sama semasa menjalankan ujian pengesanan awal, semasa dan akhir. *Jadual 2* menunjukkan rekod pengedaran ujian sepanjang PT ini dijalankan.

Jadual 2: Rekod Pengedaran Ujian

Tarikh	Hari	Ujian
2 Mac 2012	Jumaat	Ujian pra (Pengesanan Awal)

16 April 2012	Isnin	Ujian pasca (Ujian semasa)
25 Jun 2012	Isnin	Ujian post (ujian selepas)

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Bagaimana penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” membantu saya menambah baik amalan p&p sendiri saya dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z” ?**

Hasil penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” memberangsangkan dan saya mendapati penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” ini telah banyak membantu saya menambah baik amalan p&p sendiri saya dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z”.


Menerusi penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” dalam PT, ia memberi peluang kepada saya untuk menerapkan kaedah visual, audiaotori, kinestatic, dan tactile (VAKT) dalam p&p. Sebelum ini saya hanya menekankan sesetengah kaedah di dalam pengajaran pemulihan untuk sesi pengajaran yang saya kendalikan. Dengan menggunakan “Big Book Nyanyian Fonik Abc”, saya secara tidak langsung dapat menggabungkan pelbagai kaedah dengan menggunakan satu kit pengajaran. Howard Gardner (1953) menyatakan, sekiranya hanya satu sahaja kaedah atau pendekatan yang digunakan di dalam sesuatu pengajaran, hanya murid-murid tertentu sahaja yang boleh mendapatkan bahan yang disampaikan. Rajah 9 menunjukkan murid membuat aktiviti yang melibatkan kaedah VAKT.



Membuat kolaj



Merasa dan melihat huruf




Menyanyi dan beraksi bersama

Rajah 9: Aktiviti yang melibatkan kaedah VAKT

Saya juga menyedari melalui penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” ini, ia *mempertingkatkan keprihatinan diri saya dalam memilih teknik dan strategi p&p*. Sebelum proses membina buku ini, saya terlebih dahulu merancang teknik dan strategi p&p yang ingin saya terapkan dalam “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Saya telah membuat kajian berkaitan teknik dan strategi p&p untuk memastikan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” yang saya bina dapat memberikan fungsi yang optimum apabila digunakan. Dari Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/ 27 & 28 September 2012/ IPG KBL


pengalaman menjalani praktikum fasa 1 dan 2 sebelum ini, saya mendapati saya kurang prihatin dalam pemilihan teknik dan strategi p&p. Swanson dan Ransby (1994), Hulme dan Mackenzie (1992) membuktikan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berprestasi akademik rendah ialah untuk mengingat kembali maklumat yang penting. Mereka juga berpendapat masalah ini berkaitan dengan ingatan jangka pendek. Tetapi, kajian Jones et al. (1988) membuktikan bahawa masalah seumpama ini boleh diatasi dengan menggunakan strategi dan kaedah pengajaran kognitif yang sesuai.

“Big Book Nyanyian Fonik Abc” telah meningkatkan kesedaran saya kepentingan pendekatan p&p lebih sistematik dalam pengajaran kemahiran huruf kecil “a hingga z”. Oleh itu, seni kata lagu “abc” telah saya muatkan ke dalam “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Seni kata ini saya warnakan mengikut suku kata. Ia memudahkan Ara untuk membiasakan diri apabila mencapai aras kemahiran suku kata. Saya menggunakan “Font Century Gothic” bagi memudahkan Ara mengenal huruf kecil dan seterusnya membantunya dalam proses penulisan huruf kecil. Rajah 10 menunjukkan tulisan menggunakan “Font Century Gothic”.



Rajah 10: “Font Century Gothic”

Melalui penggunaan Big book Nyanyian Fonik ini, saya dapat mempertingkatkan daya kreativiti saya. Saya memuatkan bahagian “Tracing Guide” sebagai bahan aktiviti menulis huruf. Pembinaan “Tracing Guide” menggunakan kertas yang dilapik dengan plastik memberi peluang Ara untuk berlatih menulis huruf kecil menggunakan “Whiteboard Marker”. Sebelum ini saya hanya menggunakan “Whiteboard Marker” semasa aktiviti menulis di papan tulis. Saya mendapati dengan menggunakan “Whiteboard Marker”. Ara dapat menulis seberapa banyak kali yang boleh kerana tulisan tersebut boleh dilap untuk membersihkannya. “Tracing Guide” yang praktikal ini memudahkan saya memantau penulisan Ara. Sekiranya saya tidak berpuas hati dengan tulisan Ara, saya akan menyuruh Ara membetulkan tulisannya agar kemas dan sama dengan huruf yang sedia ada di “Tracing Guide”. Rajah 11 menunjukkan Ara sedang menulis di atas “tracing guide”.



Rajah 11: Ara membuat latihan menulis di atas “Tracing guide”

Penggunaan “ Big Book Nyanyian Fonik Abc” telah *menukar kaedah p&p saya dari pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid dan bahan*. Memandangkan saya telah melibatkan Ara dan saya sendiri sebagai peserta dalam PT ini, ia telah memberi peluang secara tidak langsung kepada saya untuk memberikan pendekatan pengajaran secara bimbingan individu terhadap Ara. Penggunaan pendekatan pengajaran secara bimbingan individu yang diberikan kepada Ara memberi peluang kepada saya memahami emosi Ara dengan lebih dekat. *Rajah 12* menunjukkan Ara dibimbing menulis huruf.



Ara menulis huruf setelah mengecam huruf.

Rajah 12: Ara dibimbing untuk menulis huruf yang disebut oleh guru.

Seterusnya, penggunaan buku ini *menjimatkan masa saya untuk menghasilkan ABM* memandangkan sifat “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” adalah fleksibel terhadap keperluan pembelajaran. Hasil daripada temubual bersama guru pemulihan pada 26 Jun 2012, beliau menyatakan bahawa “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” adalah satu bahan yang amat sesuai digunakan dalam p&p untuk murid kelas pemulihan bahan boleh digunakan berulang kali dan menarik untuk murid pemulihan khas. Berikut adalah pandangan guru pembimbing:

“ianya **menarik minat murid-murid, murid-murid dapat mengenal huruf dengan cara nyanyian** dan **cara/ teknik pengajaran yang digunakan pelbagai** melibatkan sentuhan(tactile), nyanyian(auditori & kinestetik) dan melihat(visual).”

- **Sejauh manakah penggunaan “Big Book nyanyian Fonik ABC” membantu Ara dalam penguasaan huruf kecil?**

Penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” ini sebenarnya satu inovasi yang saya hasilkan bagi membantu Ara menguasai huruf kecil yang melibatkan kemahiran menulis dan mengecam huruf kecil. Bagi menjawab persoalan sejauh manakah penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” membantu Ara dalam penguasaan huruf kecil, saya telah meneliti pengesanan data awal (sebelum pelaksanaan), semasa tindakan dijalankan dan selepas tindakan dijalankan.

Pengesanan data awal (ujian sebelum)

Ujian pengesanan data awal ini telah saya laksanakan pada 2 Mac 2012 ke atas Ara. Setelah membuat perbandingan antara ujian bertulis dan ujian lisan yang dilakukan oleh Ara, saya melihat beberapa percanggahan bagi jawapan yang telah direkodkan. Sebagai contohnya, Ara telah menjawab dengan betul bagi ujian bertulis bagi huruf d, e, s dan z. Namun demikian,
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

Ara tidak dapat menjawab dengan betul apabila diuji dalam ujian lisan. Pernyataan ini disokong oleh Ai Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002) yang mendapati bahawa kekeliruan dalam kategori pengecaman adalah lebih tinggi daripada kekeliruan yang berlaku dalam kategori penulisan semula.

Ara berjaya mengecam dengan betul huruf kecil c, i, dan u dalam ujian lisan namun tidak dapat menjawab dengan betul dalam ujian bertulis. Justeru melalui hasil analisis sedutan tinjauan awal rekod ujian diagnostik huruf kecil Ara, dapat disimpulkan Ara hanya menguasai huruf b, l, o, dan x dengan baik.

Langkah 1

Pada 27 Mac 2012, saya telah memperkenalkan buku "*Big Book Nyanyian Fonik* (rujuk rajah 4 untuk perincian).

Saya mendapatkan respon Ara berkenaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" menerusi temubual tidak berstruktur pada 27 Mac 2012. Hasilnya, Ara telah memberikan respon yang memberangsangkan berkenaan dengan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*". Berikut adalah pandangan Ara berkenaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*":

"Cantik....Banyak warna...Banyak kartun"

Menerusi temubual bersama rakan penyelidik iaitu Siti Anizan pada 26 Jun 2012 saya menerima respon yang baik tentang penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*". Berikut adalah pandangan Siti Anizan.

"Big Book Nyanyian Fonik Abc" yang disediakan amat menarik. Kandungan buku tersebut sesuai dengan tahap murid yang dikaji. Saiz buku yang besar memudahkan murid mengingat kandungannya termasuk huruf kecil yang ditulis."

Saya telah menerapkan aspek nyanyian sesuai dengan teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner iaitu kecerdasan muzik. Saya menjadikan nyanyian "*lagu abc*" sebagai elemen penting bagi pengenalan kepada pembelajaran huruf dalam PT ini. Ara berpeluang menyanyi. Saya mendapati Ara mudah mengingat huruf yang dipelajari dengan berbantuan lambang-lambang yang mewakili huruf tersebut. Malahan, saya juga berjaya memberi pengetahuan baru kepada Ara iaitu dengan menggunakan menggunakan lagu tersebut. Tambahan, dengan menyanyikan lagu dengan aksi Ara dapat memahami istilah "*qari*" tersebut. Berikut adalah catatan nota lapangan saya pada 2 April 2012.

"Ara seronok menyanyikan "lagu abc" tersebut dengan aksi bersama saya"

"Apabila disoal apa itu "qari" Ara menggeleng kepala. Saya menunjuk aksi "qari" dan Ara menyatakan ia aksi orang membaca Al-quran."

Saya turut menyediakan “*Buku Abc Pertamaku*” (rujuk rajah 7 untuk perincian) kepada Ara. Buku ini dibekalkan bagi keperluan Ara membiasakan Ara dengan pembelajaran huruf kecil dalam “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*”. Penyataan ini disokong oleh Marshall S.et. al. (1971) menyatakan adalah perlu adanya perhubungan antara sekolah dan rumah untuk membiasakan kanak-kanak dengan buku. Tambahan, dengan membawa buku yang hampir sama dengan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” yang dipelajari di sekolah, ini memudahkan Ara untuk belajar huruf kecil tanpa dibimbing oleh guru.

Saya telah menemu bual Ibu Ara melalui talian telefon pada 27 Jun 2012. Ibu Ara turut menyatakan “*Buku abc pertamaku*” memberi perubahan positif terhadap perkembangan penguasaan huruf anaknya. Saya mendapati Ibu Ara juga telah memainkan peranan penting mengajar Ara di rumah. Berikut adalah pandangan ibu Ara:

“Dulu dia tak tahu abc. Sekarang dia dah tahu. Dia rajin belajar di rumah. Sebaik saja balik dari sekolah dia akan terus belajar menggunakan buku kecil (Buku abc pertamaku) yang cikgu beri. Dia juga guna buku tu (Buku abc pertamaku) untuk mengajar adiknya.”

“Dia (Ara) menyanyi bila belajar menggunakan buku tersebut. Dia juga mengajar adiknya menyanyi lagu abc.”

“Anak saya sudah tahu abc dan dia juga dapat mengajar adiknya. Buku kecil mudah di gunakan dan mudah disimpan sebagai bahan belajar.”


Langkah 2

Seterusnya pada 3 April 2012, saya melaksanakan aktiviti meneroka “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*”. Seni kata “*lagu abc*” telah saya muatkan di dalam “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*”. Seni kata ini ini saya warnakan mengikut suku kata. Ia memudahkan Ara untuk membiasakan diri apabila mencapai aras kemahiran suku kata. Penggunaan “*Font Century Gothic*” digunakan bagi memudahkan Ara mengenal huruf kecil dan seterusnya membantunya dalam proses penulisan huruf kecil.

Saya mendapati penggunaan “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” membantu saya meningkatkan minat Ara untuk meneroka buku tersebut. Saya telah menggunakan bahan bergambar serta berwarna bagi menarik minat Ara belajar menggunakan buku ini. Pemilihan warna yang terang dan ceria membantu saya mengekalkan minat belajar Ara semasa menjalani proses p&p berlangsung.


Saya turut menyediakan kad lompat yang mengandungi gambar atau yang mewakili awalan huruf. Penggunaan kad lompat ini menimbulkan unsur suspen dan minat kepada Ara untuk mengetahui lebih lanjut apa yang ada di dalam kad lompat yang disediakan. Secara langsung ia juga meransang

minat ara untuk meneroka “ *Big Book Nyanyian Fonik Abc*” dengan lebih mendalam lagi.



Rajah 13 : Isi kandungan “ *Big Book Nyanyian Fonik Abc*”.

Elemen tactile juga saya terapkan di dalam “ *Big Book Nyanyian Fonik Abc*” ini. Saya telah menyusun “*sticker timbul*” bagi membentuk “*huruf timbul*” di bahagian bawah buku. Saya memberi Ara peluang menyentuh “*huruf timbul*” tersebut semasa tempoh p&p berlangsung. Saya turut menyuruh Ara memejamkan matakannya semasa merasa “*huruf timbul*” tersebut dan menyebut huruf yang disentuhnya.



Rajah 14: “*Huruf timbul*” yang digunakan bagi aktiviti tactile di dalam “ *Big Book Nyanyian Fonik Abc*”.

“*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” ini dapat digunakan berulang kali kerana ia sesuai untuk digunakan bagi pelbagai aktiviti seperti menyanyi, membaca, membaca dan riadah. Pendekatan penggunaan bahan multi sensori yang saya terapkan dalam membina “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” seperti huruf yang disusun timbul boleh membantu murid dalam aktiviti tactile. Saya juga mendapati Ara memberikan respon yang positif terhadap “*Big Book Nyanyian Fonik Abc*” yang saya gunakan dalam p&p. Berikut adalah hasil nota lapangan saya pada 3 April 2012.

“Ara menunjukkan raut wajah yang **ceria** sepanjang proses p&p dijalankan.”

“Ara kelihatan **seronok** membuat aktiviti meneroka *Big Book Nyanyian Fonik Abc* yang disediakan”

“Ara memegang “*Huruf timbul*” dan bermain-main dengannya. Ara menyoal saya apa yang terdapat dibalik kad lompat tersebut.”

Hasil daripada PT yang telah dilaksanakan saya mendapati Ara seronok menjalani p&p yang saya jalankan menerusi hasil temu bual bersama guru pembimbing. Penggunaan buku ini membantu saya menjimatkan masa untuk menghasilkan ABM memandangkan sifat "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" adalah fleksibel terhadap keperluan pembelajaran. Hasil daripada temubual bersama guru pemulihan, beliau menyatakan bahawa "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" adalah satu bahan yang amat sesuai digunakan dalam p&p untuk murid kelas pemulihan memandangkan ianya boleh digunakan berulang kali dan menarik untuk murid pemulihan khas. Tambahnya lagi, kekuatan di dalam buku ini ialah ia menarik minat murid. Di samping itu, beliau menyatakan buku menerapkan pelbagai teknik dan cara pengajaran. Berikut adalah pandangan guru pembimbing.

"amat sesuai digunakan dalam p&p untuk murid kelas pemulihan."

"boleh digunakan berulang-ulang dan bahan dalam Big Book Nyanyian Fonik Abc sangat menarik untuk murid Pemulihan Khas"

"menarik minat murid-murid, murid-murid dapat mengenal huruf dengan cara nyanyian dan cara/ teknik pengajaran yang digunakan pelbagai yang melibatkan sentuhan(tactile), nyanyian(auditori & kinestetik) dan melihat(visual)."

Temu bual bersama rakan penyelidik iaitu Sheeda (dengan kebenaran) juga menunjukkan penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik abc*" berjaya menarik minat pelajar saya. Berikut adalah transkrip temu bual saya bersama rakan penyelidik iaitu Sheeda pada 26 Jun 2012.

"berjaya menarik minat perhatian pelajar awak menguasai Abc. Ini kerana Big Book menarik dan nyanyian yang bersesuaian memberangsang minat pelajar awak."


"Ya. Sebab saya melihat sendiri perubahan yang sangat ketara pada pencapaian pelajar awak. Jadi saya rasa buku ini boleh diteruskan penggunaannya pada masa depan."

Langkah 3

Pada 4 April 2012 saya seterusnya telah menjalankan latihan menulis di dalam "*Big Book Nyanyian Fonik*" dengan menggunakan tracing guide. Saya memuatkan bahagian "*Tracing Guide*" sebagai aktiviti menulis huruf. Pembinaan "*Tracing Guide*" melibatkan kertas yang diliminate memberi peluang Ara untuk berlatih menulis huruf kecil menggunakan "*Whiteboard Marker*". Dengan menggunakan "*Whiteboard Marker*". Ara dapat menulis seberapa banyak kali yang boleh kerana tulisan tersebut boleh dilap untuk membersihkannya. "*Tracing Guide*" yang praktikal ini memudahkan saya memantau penulisan Ara. Sekiranya saya tidak berpuas hati dengan tulisan Ara, saya akan menyuruh Ara membetulkan tulisannya agar kemas dan sama dengan huruf yang sedia ada di "*Tracing Guide*".


“Tracing guide” yang digunakan mempunyai 3 garisan juga telah membantu saya membimbing Ara menulis huruf kecil. Penggunaan garis 3 pada “Tracing guide” juga membantu saya Ara membiasakan diri dengan buku latihan garis 2 yang digunakan.

Semasa memperkenalkan “Tracing guide” ini, pada peringkat permulaan saya menyuruh Ara menulis huruf kecil mengikut susunan huruf (a hingga z). “Tracing guide” ini membantu Ara menulis huruf kecil dengan betul. Setelah Ara membiasakan diri menulis huruf kecil, selanjutnya menyuruh Ara menulis huruf kecil secara rawak. Aktiviti menulis huruf kecil secara rawak dengan berbantuan “Tracing guide” ini melibatkan aktiviti mengecam huruf kecil yang disebut secara lisan oleh guru.



Rajah 15: Ara menulis huruf dengan berbantuan “Tracing guide” yang turut dimuatkan di dalam “Big Book Nyanyian Fonik Abc”.


Ara telah dibimbing secara bimbingan individu. Pengajaran secara bimbingan individu ini banyak memberi manfaat kepada proses pembelajaran Ara kerana saya dapat memberi fokus kepada keperluan pembelajarannya iaitu untuk membantu Ara menguasai huruf kecil yang melibatkan kemahiran menulis dan mengecam huruf kecil dengan menggunakan “Big Book Nyanyian Fonik”.



Rajah 16: Ara dibimbing untuk mengecam huruf yang disebut oleh guru.

Melalui penggunaan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” ini, Ara dapat belajar dalam kemahiran menulis dan mengecam huruf kecil secara sistematik.

Melalui pemerhatian, saya mendapati Ara menunjukkan respon yang baik dengan memberikan penyertaan aktif semasa tempoh p&p dijalankan.



Rajah 17: Aktiviti menulis dan mengecam huruf kecil.

Pengesanan data Semasa

Saya telah menjalankan ujian pengesanan data semasa ke atas Ara pada 16 April 2012. Saya mendapati Ara menghadapi masalah menulis huruf kecil iaitu h, j, r, s, dan x. Tetapi apabila saya menunjukkan aksi mewakili huruf tersebut, Ara dapat mengingat huruf kecil mewakili aksi tersebut dan menulishnya dengan betul.

Setelah membuat perbandingan antara ujian bertulis dan ujian lisan yang dilakukan oleh Ara dalam ujian semasa ini, saya melihat beberapa percanggahan bagi jawapan yang telah direkodkan. Ara telah menjawab dengan betul bagi ujian bertulis bagi huruf k, n, p, dan y. Namun demikian, Ara tidak dapat menjawab dengan betul apabila diuji dalam ujian lisan. Malahan, bagi huruf j dan x, Ara telah berjaya menjawab dengan betul dalam ujian lisan namun tidak dapat menjawab dengan betul dalam ujian bertulis. Keadaan ini jelas menunjukkan Ara masih belum menguasai huruf kecil h, j, k, n, p, r, s, x dan y dengan baik. Justeru melalui hasil ujian pengesanan data semasa Ara pada 16 April 2012, dapat disimpulkan Ara hanya menguasai huruf a,b, c, d, e, f, g, i, l, m, o, q, t, u, v, w, x, y dan z dengan baik. Berikut adalah hasil analisis rekod pengesanan data semasa Ara.

Pengesanan data akhir

Saya telah menjalankan ujian pengesanan data akhir pada 25 Jun 2012 ke atas Ara. Saya menggunakan modul "*Ujian Diagnostik Bahasa Melayu Pemulihan Khas (Bertulis)*" bagi kemahiran huruf kecil iaitu merangkumi ujian bertulis dan ujian lisan untuk melihat kesan tindakan penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik ABC*". Saya mendapati Ara telah melakukan kesalahan menulis huruf kecil "h". Ara tidak menulis huruf kecil "h" namun dia sebaliknya telah menulis huruf besar "H".

Manakala bagi ujian lisan saya telah menggunakan "*Ujian Diagnostik Bahasa Melayu Pemulihan Khas (Lisan)*". Hasil dapatan melalui pengendalian ujian lisan tersebut, Ara mengecam dengan betul 25 daripada 26 huruf kecil yang ditunjukkan oleh guru dan memperoleh skor 96.1% dan mencapai gred A. Biarpun begitu, Ara didapati sukar

Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL

mengecam huruf kecil “q”. Namun, apabila saya menunjukkan aksi mewakili huruf kecil tersebut Ara dapat mengecam huruf tersebut dengan betul.

Saya juga telah menjalankan temubual bersama Ara pada pada 27 Jun 2012 untuk mengetahui secara menyeluruh berkenaan pandangan Ara terhadap “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Saya mendapati Ara lebih berkeyakinan apabila disoal tentang pembelajaran huruf kecil. Ara juga menyatakan “Big Book Nyanyian Fonik Abc” cantik. Dengan menggunakan buku tersebut dia seronok belajar dengan ada aktiviti nyanyian dan aktiviti menulis. Ara juga menyatakan dia senang mengingat huruf dengan bantuan “Big Book Nyanyian Fonik Abc”. Berikut adalah pandangan Ara.

“banyak warna.....cantik”

“Seronok dapat nyanyi...dapat tulis abc....

“Senang...”

“f untuk feri (sambil membuat aksi feri)”

Perbandingan prestasi pencapaian ara sebelum, semasa dan selepas PT dalam jadual 5 menunjukkan mempunyai peningkatan penguasaan huruf kecil. Perkembangan yang ketara dapat dilihat menerusi skor yang meningkat setelah pelaksanaan pengajaran menggunakan “Big Book Nyanyian Fonik abc” dijalankan ke atas Ara.


Jadual 3 : Perbandingan Prestasi Pencapaian Ara Sebelum, semasa dan selepas Penyelidikan Tindakan

Pelaksanaan	Ujian sebelum		Ujian semasa		Ujian selepas	
	Bertulis	Lisan	Bertulis	Lisan	Bertulis	Lisan
Tarikh	2 Mac 2012		16 April 2012		25 Jun 2012	
Bilangan Soalan Betul	8/26	7/26	21/26	19/ 26	25/26	25/26
Skor	30.7 %	26.9%	80.7%	73%	96.1%	96.1%
Gred	D	D	A	B	A	A

Pada ujian lisan dan ujian bertulis pengesanan awal Ara didapati telah menguasai 4 huruf kecil iaitu huruf b, l, o dan x. Seterusnya, dalam ujian semasa Ara didapati telah menguasai 17 huruf kecil iaitu huruf a, b, c, d, e, f, g, i, l, m, o, q, t, u, v, w, dan z.

Manakala, dalam ujian selepas, Ara menunjukkan peningkatan yang ketara dengan menguasai 24 huruf kecil iaitu, a, b, c, d, e, f, g, i, j, k, l, m, n, o, p, r, s, t, u, v, w, x, y, z. *Jadual 4* menunjukkan prestasi penguasaan huruf kecil Ara yang telah meningkat.

Jadual 4: Prestasi penguasaan huruf kecil Ara



Refleksi Penilaian tindakan

Hasil keputusan ujian-ujian dan analisis yang dilaksanakan, penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" telah memberi impak positif terhadap peningkatan prestasi penguasaan huruf kecil Ara.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui PT yang dilaksanakan ini, saya menyedari murid memerlukan pelbagai teknik mudah dan menyeronokkan untuk mempelajari huruf kecil "a" hingga "z". Penggunaan "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" telah memberikan saya inspirasi bahawa perlambangan yang digunakan bagi huruf-huruf kecil "a" hingga "z" disertakan dengan aktiviti nyanyian dan aksi yang melibatkan kecerdasan kinestetik sesuai digunakan bagi meningkatkan minat murid dalam proses menguasai huruf kecil. Di samping, latihan menulis dan aktiviti mengecam huruf menggunakan "*tracing guide*" perlu dilaksanakan semasa p&p kerana melalui latihan yang berterusan, ia akan membiasakan murid dengan huruf kecil "a" hingga "z".

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Bagi PT yang seterusnya, saya bercadang untuk melaksanakan aktiviti membina "*Big Book Nyanyian Fonik Abc*" ini bersama murid. Rasionalnya adalah kerana saya percaya murid belajar dengan lebih bermakna melalui pengalaman yang telah mereka timba di alam persekolahan.

RUJUKAN

- Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002). *Kekeliruan Mengecam Huruf B-D-P-Q Di Kalangan Kanak-Kanak Pra-Sekolah*, Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Best, J.W & Kahn, J.V. (2003). *Research in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.
- Lisah Binti Chong Vui Fah. (2011). *Penggunaan "Combo Set" dalam membantu murid Tahun Tiga menjawab soalan "long division"*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Perguruan (dengan Kepujian), Kuching, Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Snow, C., Burns, M.S. & Griffin, P. 1998. *Preventing reading difficulties in young children*. Washington: National Academy Press.
- Wanzek J. & Vaughn S. (2011), *Is a three- Tier Reading intervention Model Associated With Reduced Placement in Special Education?*, Remedial and Special Education, volume 32, Number 2 march/April 2011
- Whitehurst, G. J. & Lonigan, C. (2001). *Emergent literacy: Development from prereaders to readers*. Dlm. S. Neuman & D. D
- Yalch, R.F. (1991). *Memory in jingle jungle: music as a mnemonic device in communicating advertising slogans*. *Journal of applied psychology*, 76(2), 268-275.